

NOTA MAKLUMAT TAMBAHAN BAGI PROSEDUR PERMOHONAN LESEN UNTUK MENGENDALIKAN MESIN JUAL AIR

A. Parameter Analisis

Permohonan bagi Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air mensyaratkan pihak syarikat untuk menghantar sampel air bagi analisis seperti berikut:

Jenis parameter	Parameter
Kimia	1. Aluminium
	2. Ammonia
	3. Arsenik
	4. Ferum
	5. Plumbum
	6. Nitrit
Bakteriologi	1. <i>Total coliform</i>
	2. <i>E.coli</i>
	3. <i>Clostridium perfringens</i>

B. Perubahan Lokasi Mesin Jual Air

- Sekiranya mesin diubah dalam **daerah dan tangki agihan yang sama, pensampelan semula tidak perlu dilakukan dengan syarat permohonan dilakukan dalam tempoh sembilan bulan (9) bulan dari tarikh permohonan awal**. Sekiranya melebihi tempoh yang ditetapkan, prosedur sebagaimana permohonan baru akan terpakai.
- Sekiranya mesin diubah dalam **daerah dan tangki agihan yang berlainan, prosedur sebagaimana permohonan baru akan terpakai**.

C. Pertindihan Analisis Air oleh Agensi Lain

- Perbincangan lanjut akan dijalankan bersama KPKT untuk menjelaskan situasi dan keperluan pelesenan mesin jual air oleh KKM.
- Secara dasarnya, KKM bersetuju untuk mencadangkan supaya pensampelan yang dijalankan oleh KKM diterima bagi tujuan pelesenan operasi oleh PBT.
- Kerjasama dengan PBT tertentu akan dijalankan dan akan dijadikan model kerjasama bagi PBT lain yang berkenaa.

Perlu dibaca secara bersama dengan Garispanduan Permohonan Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air Bagi Maksud Perdagangan Atau Perniagaan, Prosedur Pengeluaran Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air Bagi Maksud Perdagangan Atau Perniagaan & Contoh Manual Sistem Kawalan Keselamatan Mesin Jual Air. Prosedur ini adalah terpakai dengan mengambilkira pindaan sepertimana dinyatakan pada Nota Tambahan ini.